

02 MAY 1999

Mahathir-Jawatan

DR MAHATHIR AKAN SERAHKAN JAWATAN KEPADA PAK LAH

JITRA, 2 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan bahawa beliau akan menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas pilihan raya umum nanti apabila timbalannya itu bersedia.

"Ya...saya akan serahkan jawatan itu selepas pilihan raya. Bila...kita tidak tahu. Mungkin selepas satu tahun atau dua tahun atau tiga tahun atau empat tahun," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini ketika mengulas laporan akhbar Jepun, Mainichi Shimbun mengenai hasratnya itu.

Mainichi Shimbun, sebuah daripada akhbar terkemuka di Jepun, dalam keluarannya Jumaat lepas ada memuatkan mengenai temuramah akhbar itu dengan Dr Mahathir di Kuala Lumpur.

Laporan itu menyebut Dr Mahathir sebagai berkata bahawa beliau akan menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Abdullah apabila timbalannya itu bersedia.

Ditanya keadaan bagaimana beliau menganggap Abdullah telah bersedia, Dr Mahathir berkata: "Kita kena tengok, buat penilaian," katanya.

Dalam temuramah dengan akhbar Jepun itu, Dr Mahathir dilaporkan sebagai menilai Abdullah sebagai "Dia sudah menjalankan tugas dengan baik setakat ini dan popular. Saya agak pasti dia mendapat sokongan dari semua orang"

Dr Mahathir menjelaskan beliau tidak ada niat untuk menjadi Perdana Menteri seumur hidup.

"Saya tidak ada niat nak jadi lifetime Prime Minister," katanya.

Beliau berkata ramai orang tidak seronok kalau dia letak jawatan dan sebaliknya ada orang juga akan seronok kalau dia letak jawatan.

Dr Mahathir menerangkan beliau masih mengekalkan jawatan Perdana Menteri kerana hendak menyelesaikan masalah ekonomi yang melanda negara sekarang.

"Ini kerana Anwar (bekas timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim) tidak tahu handle ekonomi," katanya.

Beliau berkata tindakan Anwar seperti menaikkan kadar faedah, memendekkan tempoh pembayaran pinjaman tidak berbayar (NPL) dari enam bulan kepada tiga bulan dan menurunkan perbelanjaan kerajaan sebagai merosakkan ekonomi negara.

"Apabila saya mendapati dia (Anwar) tak faham masalah ekonomi, saya tidak letak jawatan," katanya.

Katanya, dasar yang dibuat oleh Anwar (dalam menangani masalah ekonomi) diperkenalkan tanpa pengetahuan dan pengakuan Kabinet tetapi Kabinet terpaksa mempersetujui pada mulanya kerana ia dibuat oleh anggota Kabinet.

Perdana Menteri berkata tindakan Anwar (memperkenalkan langkah-langkah itu) sebenarnya hanya membantu "manipulator" matawang dan bursa saham.

Ketika menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata beliau tidak akan "lari" dari bertanding di Kubang Pasu pada pilihan raya umum akan datang.

"Orang di sini masih sokong dan nak saya tanding di sini," katanya ketika mengulas soalan wartawan mengenai desas-desus kononnya beliau akan bertanding di kawasan lain pada pilihan raya nanti.

Dr Mahathir merupakan anggota Parlimen Kubang Pasu sejak 1974 hingga sekarang.

Perdana Menteri mengakhiri lawatan tiga hari ke Kedah hari ini.

Program lawatannya meliputi menghadiri majlis kesyukuran kepeluangannya

dari menunaikan haji di Masjid Al-Ghufran, di Alor Setar, menghadiri mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu dan melawat penderma hati Wan Mohd Hafizam Wan Ismail, kedua-duanya di sini.

Dr Mahathir juga menyertai forum Hiwar Islam di Institut Perguruan Darul Aman, di sini, melawat Kampung Kubu dan Kampung Teluk Malik, di sini.

-- BERNAMA

JM+MZM/JM FAZ